

# KOMUNIKASI MASJID: KAJIAN TERHADAP HEBAHAN AKTIVITI MASJID AL-HASANAH BANDAR BARU BANGI KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT

Nurzatil Ismah binti Azizan  
Jabatan al-Quran dan al-Sunnah Akademi Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
[Nurzatil@kuis.edu.my](mailto:Nurzatil@kuis.edu.my)

Hasliza binti Talib  
Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
[hasliza@kuis.edu.my](mailto:hasliza@kuis.edu.my)

Nazneen binti Ismail  
Jabatan Usuluddin Akademi Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
[nazneen@kuis.edu.my](mailto:nazneen@kuis.edu.my)

## ABSTRAK

*Masjid dalam Sirah Rasulullah s.a.w merupakan pusat pembangunan sistem politik, tempat musyawarah, tempat mempersaudarakan masyarakat dan pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan. Ia juga bertindak sebagai pusat persidangan, kehakiman dan pelaksanaan undang-undang serta pangkalan utama bagi jihad dan perhubungan diplomatik dengan negara luar ( Adel M Abd Aziz, 2008 ). Dengan kepelbagaian fungsi masjid tersebut, ia boleh disimpulkan bahawa masjid merupakan tempat yang mempunyai kehebatan dalam mendidik dan melaksanakan proses-proses berkaitan dengan kehidupan manusia. Masjid yang memaksimumkan aktiviti keagamaan pasti akan melahirkan masyarakat yang berilmu seterusnya menghayati nilai-nilai agama Islam dalam kehidupan seharian. Kertas kerja ini akan melihat kaedah yang digunakan oleh Masjid al-Hasanah Bandar Baru Bangi dalam melakukan hebahan aktiviti masjid kepada masyarakat setempat. Ia termasuk hebahan kelas-kelas agama yang akan diadakan, majlis qiyamullail, kem solat dan sebagainya. Masjid ini dipilih kerana kebanyakan aktiviti yang dijalankan di masjid ini mendapat sambutan daripada masyarakat setempat. Proses mendapatkan data kajian ini dilaksanakan dengan observasi ( pemerhatian ) dan juga temu bual bersama Ahli Jawatankuasa Masjid al-Hasanah. Ia merupakan salah satu masjid yang berjaya diimarahkan dengan pelbagai aktiviti dan program-program yang mendekatkan masyarakat kepada agama. Penulisan kertas kerja ini diharap dapat memberi manfaat kepada masjid-masjid yang lain dalam merencana serta merancang aktiviti masjid dan melakukan hebahan aktiviti dengan kaedah terbaik. Ia difikir sangat penting supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat setempat.*

**Kata kunci :** Komunikasi masjid, hebahan aktiviti, Masjid al-Hasanah

## **Pendahuluan**

Peranan masjid penting dalam menyatukan umat Islam dan sebagai tempat menjalankan ibadah. Aktiviti masjid yang dipelbagaikan dapat menarik perhatian pelbagai golongan masyarakat sama ada golongan dewasa, remaja dan kanak-kanak. Aktiviti tersebut perlu disampaikan kepada masyarakat dengan medium yang terbaik supaya semua maklumat aktiviti disebarluaskan. Kertas kerja ini akan mengupas kaedah yang digunakan oleh Masjid al-Hasanah dalam menyebarkan aktiviti masjid kepada masyarakat setempat.

## **Sejarah Penubuhan Masjid al-Hasanah**

Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi terletak di Seksyen 9 Bandar Baru Bangi dan berhampiran dengan Lebuhraya Utara-Selatan. Ia mula beroperasi pada tahun 1997 serta dirasmikan pada tahun 2000 oleh Sultan Sharafuddin Idris Shah iaitu Sultan Selangor pada ketika itu. Kedudukannya di pusat bandar dan kawasan komersial serta kawasan perumahan, menjadikan masjid ini amat aktif dengan program-program kemasyarakatan dan majlis-majlis ilmu.

Masjid yang dibina dua tingkat ini mempunyai ruang solat yang mampu menampung sehingga 2000 jemaah pada satu masa. Selain dari tempat solat, masjid ini juga mempunyai bilik pentadbiran, pejabat imam, dewan seminar, bilik mesyuarat, bilik sumber, bilik tutorial dan bilik pengurusan jenazah. Bagi memenuhi keperluan penduduk setempat, masjid ini juga menyediakan sekolah kafa bagi kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun. Selain itu, pihak pengurusan masjid juga telah menubuhkan sebuah koperasi yang diberi nama Koperasi Masjid Al-Hasanah Bangi Berhad. Matlamat penubuhannya ialah untuk mengumpul dana amal jariah yang akan disumbangkan kepada pihak-pihak yang memerlukan melalui aktiviti-aktiviti perniagaan. Beberapa lot gerai telah disewakan kepada peniaga-peniaga terutama pada hari jumaat. ( Muhammad Zaid bin Sabran ( SUK Masjid al-Hasanah), temubual pada 22 Mei 2014).

Masjid al-Hasanah yang dipimpin oleh seorang nazir dan 24 orang AJK termasuk imam, bilal, dan siak secara aktif menganjurkan pelbagai program untuk menarik minat masyarakat setempat kepada majlis-majlis ilmu. Antara program yang telah dilaksanakan ialah kuliah maghrib, kuliah subuh, kursus haji, qiamullail bulanan, talaqqi berkitab, kelas tafaqquh fiddin, kelas muslimat, kelas mengaji dan banyak lagi ( Muhammad Zaid bin Sabran ( SUK Masjid al-Hasanah), temubual pada 22 Mei 2014).

Selain daripada peruntukan yang diterima dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), pihak masjid turut menyediakan beberapa tabung bagi memberi peluang kepada ahli masyarakat menderma. Antara tabung yang disediakan ialah tabung wakaf, tabung jumaat dan harian, tabung kebajikan, tabung infak dan tabung ramadhan. Dana bagi tabung wakaf hanya digunakan untuk menampung kos pembinaan fizikal masjid antaranya membaik pulih kerosakan masjid seperti lantai, kipas, cat, bumbung dan sebagainya ( Muhammad Zaid bin Sabran ( SUK Masjid al-Hasanah), temubual pada 22 Mei 2014).

Secara keseluruhan Masjid al-Hasanah Bandar Baru Bangi amat bertuah kerana ahli kariahnya adalah dari kalangan golongan professional. Ia menjadi faktor besar kepada penganjuran majlis-majlis ilmu yang

merupakan nadi pengimarah masjid secara umum. Jadual majlis ilmu yang padat ini telah mendorong kehadiran ahli masyarakat yang rata-ratanya amat mementingkan ilmu pengetahuan.

### **Kepentingan Komunikasi Masjid Terhadap Masyarakat Setempat.**

Perkataan komunikasi berasal daripada perkataan Bahasa Inggeris, *communication*. Ia bermaksud penghantaran, penerimaan atau pertukaran maklumat, pendapat atau idea dengan tulisan, percakapan atau imej visual atau mana-mana kombinasi ketiga-tiga unsur tersebut supaya bahan yang menjadi isi komunikasi difahami dengan jelas oleh sesiapa yang terlibat. Dalam perspektif barat, komunikasi dilihat cenderung kepada kegiatan seseorang individu atau kelompok atau sifat ingin mempengaruhi orang lain. Ia juga lebih menitik beratkan soal sosial. (Nor Zahirah binti Mohamad 2014, 10)

Kepentingan komunikasi tidak dapat dinafikan kerana ia menjadi asas utama manusia untuk menjalinkan hubungan sosial sesama mereka di samping mengambil faedah di antara satu sama lain. Maka, al-Quran dan hadis telah menggariskan beberapa prinsip asas dan kaedah komunikasi bagi manusia dengan tujuan komunikasi yang terbina bakal membawa masyarakat ke arah hidup harmoni dan sejahtera. Antaranya ialah:

Firman Allah s.w.t :

لَا تُوعِدُوهُمْ سِرًّا إِلَّا أَنْ تَقُولُوا قَوْلًا مَّعْرُوفًا<sup>1</sup>

Maksudnya:

akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka di dalam sulit, selain dari menyebutkan kata-kata (secara sindiran) yang sopan.

Firman Allah s.w.t :

فَلَا تَقُلْ هُمَ أَفْـُٔ وَلَا تَهَرَّهْمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا<sup>2</sup>

Maksudnya:

Maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).

Tidak terhad kepada komunikasi sesama manusia, Islam juga mengambil perhatian terhadap liputan yang lebih luas mencakupi komunikasi dengan Allah SWT, komunikasi dengan diri sendiri atau muhasabah dan komunikasi dengan alam. Kesemua ini merupakan tuntutan kepada setiap umat Islam secara fardu ain dan fardu kifayah bagi memenuhi kepentingan dan kewajipan individu serta masyarakat. (Nor Zahirah binti Mohamad 2014, 13)

Umumnya, komunikasi terbahagi kepada dua bentuk iaitu lisan dan bukan lisan. Ia juga melibatkan beberapa bentuk iaitu komunikasi intrapersonal, komunikasi interpersonal, komunikasi kumpulan, komunikasi antarabudaya, komunikasi massa dan komunikasi transcendental. Kesemua bentuk ini saling berhubung dan berkaitan. (Nor Zahirah 2014, 32)

---

<sup>1</sup> Al-Baqarah 2:235

<sup>2</sup> Al-Isra' 17: 23

Komunikasi masjid termasuk dalam komunikasi kumpulan. Para pengkaji ilmu sosiologi, psikologi sosial dan komunikasi mendapati komunikasi bentuk ini amat penting dalam masyarakat hari ini. Ia terbentuk daripada adanya jaringan komunikasi antara sekumpulan manusia hingga akhirnya terbentuk kumpulan-kumpulan sosial tertentu. Pembentukan kumpulan sosial ini memberi kepuasan dan kekuatan psikologi kepada manusia. Ia juga boleh digunakan untuk mencapai sesuatu tujuan dan sebagainya. (Nor Zahirah 2014, 35) Justeru, masjid sebagai pusat penyebaran dakwah terlibat secara langsung dengan komunikasi bentuk ini menerusi aktiviti-aktiviti yang dianjurkan kepada masyarakat setempat. Tujuan komunikasi masjid juga jelas iaitu mendekatkan masyarakat dengan Islam dan memupuk persaudaraan sesama umat. Oleh itu, bagi memastikan tujuan tersebut dapat dicapai, aspek komunikasi perlu diambil berat.

Terdapat beberapa unsur komunikasi yang perlu diperhatikan iaitu sumber, penerima, utusan, enkoder, saluran, gangguan, dekoder, rangka rujuk dan maklum balas. (Nor Zahirah 2014, 25). Dalam aspek komunikasi masjid, sumber komunikasi ialah pihak masjid, penerima ialah masyarakat setempat, utusan ialah aktiviti masjid, enkoder ialah cara olahan maklumat, saluran ialah kaedah sebaran, gangguan pula berlaku apabila penerima tidak dapat menerima utusan dengan jelas, dekoder ialah keupayaan masyarakat menerima dan menterjemah hebahan, rangka rujuk ialah pengetahuan tentang tajuk komunikasi dan ia merupakan kesepakatan antara pihak masjid dan masyarakat. Dengan erti kata lain, kedua-dua pihak mengetahui dan memahami fungsi dan bentuk hebahan yang diadakan. Maklum balas pula ialah reaksi daripada masyarakat terhadap hebahan aktiviti yang disampaikan oleh pihak masjid.

Pada zaman Rasulullah SAW, Masjid Nabi menjadi pusat proses komunikasi. Masyarakat Muslim tidak hanya berhimpun untuk solat, malah menerima dan menyebarkan berita merupakan aktiviti yang berlangsung. Dalam perhimpunan yang besar seperti khutbah Rasulullah SAW dalam Haji *Wada'* kepada puluhan ribu hadirin, baginda memilih tempat yang strategik iaitu lembah, menempatkan *transmitters* (penyampai) di tempat tertentu untuk melaungkan kembali ucapan baginda sehingga dapat didengari semua hadirin. (Zulkiple Abd. Ghani 2003, 16)

Oleh itu, masjid dan komunikasi tidak dapat dipisahkan. Seiring dengan empat fungsi komunikasi iaitu memberitahu, mendidik, memujuk dan menghibur, masjid didapati menjalankan kesemuanya sama ada secara langsung mahupun tidak. Masjid adalah pusat pengetahuan dan pendidikan melalui pelbagai kaedah termasuklah khutbah, tazkirah, pendidikan adab dan seumpamanya. Masjid juga berperanan memujuk dengan cara kempen kepada masyarakat agar mengubah diri ke arah lebih baik seperti yang diajarkan Islam. Masjid juga menghibur dengan cara menimbulkan ketenangan dalam diri manusia. (Hashim Fauzy Yaacob 2008, 53)

Dalam konteks kontemporari, komunikasi masjid perlu diperluas dan dipergiat dengan cara mengembangkan fungsinya sebagai pusat menyelesaikan masalah dan membuat keputusan seperti yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW, pusat menyelesaikan konflik, pusat maklumat kepada komuniti dan mendekati komuniti dengan memperluaskan dan mempelbagaikan aktiviti sosial luar lingkungan masjid. (Hashim Fauzy Yaacob 2008, 55)

#### **KAEDAH HEBAHAN AKTIVITI MASJID AL-HASANAH**

Masjid al-Hasanah dilihat mempunyai beberapa kaedah hebahan aktiviti yang baik, oleh kerana itu ramai masyarakat di kawasan setempat mengikuti program yang dijalankan. Antara kaedah hebahan

aktiviti yang dijalankan ialah ( Muhammad Zaid bin Sabran ( SUK Masjid al-Hasanah), temubual pada 22 Mei 2014).

- I. Hebahan aktiviti masjid melalui wakil kawasan yang dilantik.  
Masjid al-Hasanah telah melantik wakil di beberapa kawasan Bandar Baru Bangi dalam menghebahkan aktiviti masjid. Ia menggunakan aplikasi *Whatapp* dan *Telegram* dengan menggunakan telefon tangan (*handphone*). Wakil-wakil kawasan ini akan membantu pihak masjid dan menghebahkan aktiviti masjid. Aplikasi *Whatapp* dan *Telegram* dilihat sangat berkesan dalam komunikasi kini. Maklumat sangat mudah disebarkan dengan aplikasi ini dan memberi maklumat segera kepada penerima maklumat tersebut.
- II. Hebahan aktiviti masjid melalui surau-surau di kawasan Bandar Baru Bangi.  
Antara kaedah yang dilihat memberi impak yang baik ialah terhadap hebahan aktiviti masjid. Terdapat 36 buah masjid yang berada di kawasan Bandar Baru Bangi yang turut membantu menyebarkan maklumat kepada masyarakat Islam di kawasan tersebut.
- III. Hebahan aktiviti masjid selepas solat Fardhu Jumaat.  
Masjid al-Hasanah menggunakan medium penyebaran maklumat selepas solat jumaat. Ia dilihat medium yang baik kerana masjid ini mampu menampung sehingga 2000 jemaah dalam satu masa. Dengan maklumat tersebut jemaah yang hadir akan mengetahui aktiviti masjid seterusnya menyebarkan pula kepada orang lain.
- IV. Hebahan aktiviti masjid melalui layar televisyen masjid  
Aktiviti masjid akan sentiasa dipamerkan di layar televisyen Masjid al-Hasanah. Ia memberi peluang kepada jemaah yang solat di masjid untuk mengetahui aktiviti yang dijalankan di masjid tersebut.
- V. Hebahan aktiviti melalui media elektronik.  
Masjid al-Hasanah menggunakan teknik komunikasi terkini iaitu media elektronik. Antaranya ialah aplikasi komunikasi *facebook* dengan alamat [www.facebook.com/suara.alhasanah](http://www.facebook.com/suara.alhasanah), [www.facebook.com/hebahan.masjid](http://www.facebook.com/hebahan.masjid), dan [www.hebahanmasjid.blogspot.com](http://www.hebahanmasjid.blogspot.com). *Facebook* dan blog dilihat sebagai satu medium komunikasi yang sangat baik. Apa-apa maklumat yang disampaikan melalui hebahan ini akan mudah disebarkan. Ianya kemudian disebarkan pula oleh orang lain dan akhirnya penyampaian menyeluruh kepada masyarakat Islam.
- VI. Hebahan aktiviti melalui banner ( kain rentang ).  
Terdapat banner yang dibuat oleh pihak Masjid al-Hasanah dalam menyebarkan aktiviti masjid. Banner dilakukan kebiasaannya hanya pada aktiviti yang besar seperti kuliah perdana, qiyamullail dan lain-lain.<sup>3</sup> Kedudukan masjid di kawasan perniagaan dan laluan utama masyarakat menjadikan hebahan melalui kain rentang sangat berkesan. Aktiviti yang dijalankan akan diketahui oleh masyarakat setempat malah masyarakat di luar dari Bandar Baru Bangi dengan melihat kepada kain rentang tersebut.
- VII. Hebahan melalui *flyers*.  
Masjid al-Hasanah juga menyebarkan maklumat melalui *flyers*, kebiasaannya sebaran maklumat melalui *flyers* adalah yang berkenaan kelas-kelas pengajian yang bersifat tetap dan bersesi yang dirancang dengan sempurna. Sebagai contoh program pengajian Tafaqquh Fid-Din/ Berkitab yang dijalankan setiap hari Selasa, Rabu dan Khamis. Sebaran maklumat melalui kaedah ini dilihat juga berkesan dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat setempat

## **PENUTUP**

Masjid al-Hasanah dilihat banyak menjalankan program-program keagamaan dalam memberi faham kepada masyarakat berkenaan agama. Program yang dijalankan mendapat sambutan yang baik oleh masyarakat setempat. Ini kerana pihak pengurusan masjid menggunakan beberapa kaedah hebahan aktiviti masjid melalui medium yang baik seperti wakil kawasan, media elektronik dan lain-lain. Ia boleh dijadikan contoh bagi masjid-masjid lain dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat aktiviti yang akan dijalankan di masjid masing-masing.

## **RUJUKAN**

Nor Zahirah binti Mohamad. 2014. Konsep komunikasi di dalam al-Qur'an: Tumpuan dalam Juzu' 30. Latihan ilmiah Ijazah Sarjanamuda Al-Quran dan Al-Sunnah dengan Komunikasi, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Akademi Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Hashim Fauzy Yaacob. 2008. Masjid dan komunikasi. Dlm. Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari. Editor: Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. Skudai: Penerbit UTM.

Zulkiple Abd. Ghani. 2003. Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

[www.facebook.com/suara.alhasanah](http://www.facebook.com/suara.alhasanah)

[www.facebook.com/hebahan.masjid](http://www.facebook.com/hebahan.masjid)

[www.hebahanmasjid.blogspot.com](http://www.hebahanmasjid.blogspot.com)

Temubual bersama En. Zaid, SUK Masjid al-Hasanah pada 22 Mei 2014.